

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 JUNE 2017

Banyak lagi calon muda, cergas berbanding Dr. M

UM - 3/6/2017 Pg. 6

KOTA BHARU 2 Jun - Pas menem- pelak Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sanggup menjadi Perdana Menteri sekali lagi sekiranya itu yang dimahukan oleh kepem- impinan Pakatan Harapan yang diketuai DAP.

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah berka- ta, bekas Perdana Menteri itu perlu sedar zaman beliau sudah berakhir dan peluang harus di- berikan kepada individu lain un- tuk memimpin negara.

“Walaupun Dr. Mahathir ada kelebihan dan kebolehan, tetapi

sekarang sudah me- lepasinya zamannya. Sa- ya percaya ramai lagi calon daripada pem- bangkang yang lebih baik.

“Sekarang kita su- dah masuk ‘Litar Se- pang’. Pemandunya mestilah muda, lebih cergas. Itu lebih sesu- ai,” katanya.

Beliau ditemui se- lepas merasmikan Program *Food Cupboard* dan Projek *Free Mar- ket for Asnaf* anjuran Perbadanan



MOHD. AMAR

Kemajuan Iktisad Ne- geri Kelantan (PKINK) di Masjid As-Salam, Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Pengakuan Dr. Ma- hathir bahawa beliau sedia mempertim- bangkan menjadi Per- dana Menteri kembali menimbulkan keke- lirian orang ramai mengenai calon Paka- tan Harapan bagi mengisi jawatan tersebut.

Dalam pada itu, Mohd. Amar

turut menyindir Pakatan Harapan yang dilihat seolah-olah berebut jawatan Perdana Menteri sedan- gkan misi utama menumbangkan Barisan Nasional (BN) masih be- lum terlaksana.

Kata beliau, tindak-tanduk parti-parti pembangkang yang menganggotai pakatan itu secara tidak langsung memberi mesej negatif kepada rakyat.

“Saya rasa mereka tidak perlu fikir sangat tentang jawatan Per- dana Menteri, sepatutnya fikir bagaimana mahu menumbang- kan BN dulu,” katanya.